

Headline	UUM sedia terima pelajar baharu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	21	ArticleSize	152 cm ²
AdValue	RM 3,004	PR Value	RM 9,013



UUM sedia terima pelajar baharu

JABATAN Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Utara Malaysia (UUM) bersedia menerima 3,588 pelajar baharu yang mendaftar pada 1 September ini.

Timbalan Naib Canselor UUM, **Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim** ketika meninjau persiapan di beberapa Dewan Penginapan Pelajar (DPP) berkata, pelajar yang mendaftar itu masing-masing 3,359 pelajar tempatan dan 229 pelajar antarabangsa.

Katanya, jumlah pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki iaitu 2,451 orang manakala pelajar lelaki adalah 908 orang.

"Itu adalah jumlah bagi pelajar tempatan. Bagi pelajar antarabangsa pula jumlahnya agak seimbang iaitu 116 lelaki dan 113 perempuan," katanya.

Beliau berkata semua pelajar-pelajar itu akan

ditempatkan di 13 DPP iaitu DPP Bank Rakyat seramai 424 pelajar, Bank Simpanan Nasional (196), EON (214), MAS (265), MISC (212), Petronas (267), Proton (272), Sime Darby (258), SME Bank (338), Telekom Malaysia (250), TNB (127), Yayasan Al-bukhary (350) dan Bank Muamalat (415).

Dalam lawatan itu beliau sempat melihat beg, sampin dan beberapa barangan yang akan diberikan kepada pelajar yang akan mendaftar.

Bagi melihat persiapan kemudahan di DPP, Abdul Malek berkata, beliau dibawa oleh Pengarah Pusat Penginapan Pelajar (SAC) Noor Azman Yusoff dan Ketua Penolong Pengarah Kanan (HEPA) Kamaludin Chin bagi meninjau kemudahan yang disediakan di DPP.

"Semua persiapan perlu dilakukan lebih awal memandangkan pendaftaran akan bermula selepas Hari Raya Aidilfitri ini," katanya.



ABDUL Malek Abdul Karim (kanan) dan kakitangan UUM melihat sampin yang akan digunakan untuk meraikan pelajar-pelajar baharu.